

# The Holstein dinobatkan Ladang Tenusu Cemerlang

» **Bukti MSCRIC pusat inovasi, penyelidikan berkualiti**

Oleh Lum Chee Hong  
lumch@bh.com.my

**T**he Holstein Milk Company Sdn Bhd, syarikat induk yang mengendalikan Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu Muadzam Shah (MSCRIC) milik Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) di Pahang, dinobatkan sebagai Ladang Tenusu Cemerlang pada Anugerah Industri Ternakan Malaysia Ke-8 2015.

Anugerah itu yang diterima dalam tempoh kurang setahun beroperasi membuktikan MSCRIC berjaya mencapai peranannya sebagai pusat penyelidikan dan inovasi yang mengutamakan kualiti serta produktiviti dalam bidang penghasilan susu.

Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Seri Jebasingam Issace John, berkata projek MSCRIC melambangkan anjakan daripada aktiviti pertanian tradisional kepada pertanian komersial berskala besar dan industri berasaskan pertanian yang mewujudkan peluang pekerjaan serta keusahawanan bagi penduduk tempatan.

"Saya mengucapkan tahniah kepada The Holstein Milk Company kerana berjaya mengurus dan mengendalikan operasi MSCRIC menepati standard



Ahmad Shabery menyampaikan anugerah kepada Azmi (tiga dari kanan) pada **pada Ekspo dan Forum Haiwan Ternakan Asia 2015** di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

antarabangsa," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Anugerah disampaikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek kepada Pengarah The Holstein Milk Company, Azmi Zainal pada Ekspo dan Forum Haiwan Ternakan Asia 2015 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

## Teknologi penternakan paling moden

The Holstein Milk Company dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti memiliki teknologi penternakan tenusu paling moden dan canggih di Malaysia, reka letak bangsal dan ladang yang sistematik dan cekap serta

stesen pemerahan susu dengan kapasiti 1,200 lembu.

Antara lain ialah pemakaian tenusu, teknik pembiakan terkini, pengeluaran dan kapasiti susu, hasil pengeluaran foder termasuk persijilan dan produk keluaran akhir yang berkualiti tinggi.

Penubuhan MSCRIC di Muadzam Shah seluas 248.37 hektar dikenal pasti dalam Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) sebagai satu langkah menerajui pembangunan industri pengeluaran lembu tenusu yang cekap dan mapan di wilayah terbabit.

MSCRIC menempatkan Kompleks Tenusu, Foder dan Padang

Rumput Ternak, selain Pusat Latihan dan Pemindahan Teknologi.

The Holstein Milk Company dilantik oleh ECERDC sebagai syarikat induk pada November 2014 bagi melabur, mengurus dan mengendalikan MSCRIC.

Syarikat itu khusus dalam bidang ternakan tenusu, pemrosesan dan pengedaran susu segar dari ladang ke kedai di bawah jenama Farm Fresh.

Farm Fresh ketika ini memiliki 30 peratus pegangan dalam pasaran susu segar negara ini dan kehadiran di ECER dijangka menjadikan wilayah berkenaan sebagai pembekal penting susu segar bagi pasaran domestik.